



MAJLIS PERBANDARAN KOTA BHARU BANDAR RAYA ISLAM

KENYATAAN SEBUTHARGA
(Tawaran Khas Untuk Bumiputera)

SH(L)01/2022, SH(L)02/2022, SH(L)03/2022 & SH(L)04/2022

Sebutharga ini adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor bumiputera KELAS 'G2' yang berdaftar dengan BAHAGIAN PEMBANGUNAN KONTRAKTOR DAN USAHAWAN (PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR - PKK) dan LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (CIDB) serta berdaftar dengan MAJLIS PERBANDARAN KOTA BHARU (MPKB) dengan mempunyai :-

KATEGORI
G2

PENGKHUSUSAN
CE 01, CE 34, CE 21

Dan masih dibenarkan memasuki mana-mana sebutharga buat masa ini bagi kerja-kerja berikut :

SEBAGAIMANA LAMPIRAN 'A1'

2. Butir-butir sebutharga boleh didapati dari **BAHAGIAN INFRASTRUKTUR, JABATAN KEJURUTERAAN, TINGKAT 2, BLOK C, MAJLIS PERBANDARAN KOTA BHARU-BRI, JALAN HOSPITAL, 15000 KOTA BHARU** dalam waktu berikut :-

HARI
Ahad – Rabu
Khamis

WAKTU
8.00 pagi - 04.00 Petang
8.00 pagi – 2.30 Petang


3. Kontraktor-kontraktor yang ingin memasuki sebutharga ini dikehendaki mengeluarkan wang pos atau wang tunai sahaja sebagai bayaran Dokumen Sebutharga berjumlah **RM 150.00** dan tidak akan dikembalikan. Dokumen Sebutharga hanya dikeluarkan kepada wakil-wakil kontraktor yang sah sahaja. Dokumen Sebutharga akan diserahkan kepada wakil-wakil kontraktor apabila pembayaran dibuat.

4. **LAWATAN TAPAK** serta taklimat projek bagi cadangan ini adalah tidak diwajibkan. Bagi memastikan maklumat berkaitan spesifikasi / terma rujukan / brif projek berkenaan adalah jelas, majlis telah menyediakan maklumat yang terperinci untuk membantu syarikat yang menyertai sebutharga / tender memahami kehendak majlis.

5. Pihak kontraktor hendaklah atas inisiatif sendiri melawat kawasan atau tapak berkenaan yang dinyatakan dalam dokumen sebutharga/tender berkenaan. Lawatan tapak ini dapat membantu syarikat mendapat maklumat yang lebih tepat dan mengetahui keadaan/maklumat tambahan yang berguna bagi menyediakan tawaran sebutharga/tender. Dalam hal ini, sekiranya pihak kontraktor mahu melawat sendiri kawasan @ tapak berkenaan, amalan penjarakkan, penggunaan 'hand sanitizer' dan pemakaian 'face mask' adalah perlu diteruskan.

6. Sebutharga ini hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang ditempatkan di **BAHAGIAN PEROLEHAN, TINGKAT 1, BLOK A, KOMPLEKS MPKB-BRI, JALAN HOSPITAL, 15000 KOTA BHARU** pada atau sebelum hari **KHAMIS** bersamaan **17/03/2022** selewat-lewatnya jam 12.00 tengahari.

Yang menurut perintah,


.....
(HJ. ZUKEFLI BIN ABDULLAH)

Jep : YANG DIRERTUA

MAJLIS PERBANDARAN KOTA BHARU-BRI

- s.k.
- 1) Setiausaha MPKB-BRI
 - 2) Pengarah Kejuruteraan MPKB-BRI
 - 3) Pembantu Pejabat (OA)
 - 4) Papan Kenyataan Jabatan Kejuruteraan MPKB-BRI
 - 5) Papan Kenyataan Bahagian Perhubungan Awam MPKB-BRI
 - 6) Buku Lawatan Tapak
 - 7) Bahagian Perolehan MPKB-BRI
 - 8) Bahagian Teknologi & Maklumat
 - 9) Fail Notis MPKB (Kej.) S-18/2002 ()
 - 10) Pengerusi / AJK Tender MPKB-BRI / Sebutharga
 - 11) Ahli-Ahli Majlis
 - 12) K.P.S.U (Kerajaan Tempatan) S.U.K Negeri Kelantan

Tarikh : 03/03/2022

LAMPIRAN A1

BIL.	NAMA PROJEK	NO. SEBUTHARGA	KATEGORI	CATITAN
				Tarikh pembelian borang sebutharga / tender : 10/03/2022 – 17/03/2022 No koordinat lokasi :
1.	PENYENGGARAAN JALAN DAN LONGKANG DI TAMAN INTAN SEK 54, KOTA BHARU.	SH(L)01/2022	G2	6.1027961 102.268111
2.	PENYENGGARAAN JALAN DAN LONGKANG DI TAMAN HARMONI, S/45, KOTA BHARU	SH(L)02/2022	G2	6.136214, 102.289395
3.	PENYENGGARAAN JALAN DAN LONGKANG DI TAMAN CHICHA PERMAI, S.57 CHICHA, KOTA BHARU	SH(L)03/2022	G2	6.067633, 102. 278916
4.	PENYENGGARAAN JALAN DAN LONGKANG DI TAMAN MUTTAQIN, KOTA BHARU	SH(L)04/2022	G2	6.109793, 102.264559

CATATAN :**PETENDER PERLU MENGEMUKAKAN DOKUMEN YANG LENGKAP SEBAGAIMANA DI BAWAH :**

1. SALINAN SSM
2. SALINAN CIDB
3. SALINAN DOKUMEN PKK
4. PENYATA AKAUN BANK YANG TERKINI (3 BULAN)
5. BUKTI PENGALAMAN KERJA